

Teks Ucapan Perasmian
YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari
bin Tun Datuk Abang Haji Openg
Ketua Menteri Sarawak
bersempena
Kempen Kesedaran Kewangan Sarawak (Maya)
"Virtual Sarawak Financial Awareness Campaign (ViSFA)"
(Tarikh Siaran Ucapan: 3 Ogos 2021)

1. Saya amat berbesar hati menerima jemputan daripada Bank Negara Malaysia untuk merasmikan Kempen Kesedaran Kewangan Sarawak ("Kempen") secara maya yang julung - julung kali diadakan.

2. Kempen ini merupakan inisiatif BNM dan rakan kolaborasi dari pelbagai agensi kerajaan, institusi kewangan, persatuan-persatuan dan pengusaha perniagaan di bawah satu bumbung maya dengan tujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan rakyat Sarawak dengan memberi penekanan kepada agenda perlindungan, pendidikan pengguna dan rangkuman kewangan. Kempen ini juga bertujuan untuk menyampaikan isu-isu dan konsep kewangan yang sering disalah tafsir oleh orang awam.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

3. Hari ini kita menghadapi salah satu cabaran global yang penting. Pandemik Covid-19 akan mempunyai kesan jangka panjang yang kekal terhadap bagaimana ekonomi dan sistem kewangan beroperasi pada masa akan datang. Kita mungkin tidak akan lagi mampu melakukan perniagaan seperti biasa "*business as usual*".

4. Pada 6 Mei 2020, saya dan menteri – menteri kabinet telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Sarawak (SEAC) untuk merangka strategi ekonomi negeri pasca Covid-19 2030. Menjelang 2030, visi kerajaan negeri adalah untuk Sarawak menjadi negeri maju dengan perkembangan ekonomi yang didorong oleh data dan inovasi di mana setiap orang menikmati kemakmuran ekonomi, keterangkuman sosial dan persekitaran yang mampan. Dalam mencapai wawasan ini, ianya bukan hanya berkisarkan mengenai pertumbuhan ekonomi semata - mata tetapi juga mengenai kekayaan dan kemakmuran secara adil dan lestari kepada seluruh rakyat Sarawak¹.

5. Pada 22 Julai yang lepas bersempena sambutan perayaan Hari Sarawak saya telah melancarkan pelan tersebut untuk memperkembangkan saiz ekonomi Sarawak daripada RM136 bilion pada 2019 kepada RM282 bilion pada 2030 dengan kadar pertumbuhan antara 6 ke 8 % pada tempoh 2021 hingga ke 2030.

¹

6. Di samping itu, pelan tersebut bertujuan untuk menyediakan 195,000 peluang pekerjaan baharu, meningkatkan purata pendapatan isi rumah kepada RM15,000 mengurangkan jurang antara bandar dan luar bandar, mempertingkatkan kecekapan bekerja dan produktiviti melalui inovasi digital.

7. Sehubungan itu, ucapan saya pagi ini akan menyentuh dua perkara utama iaitu: (i) Aspirasi Sarawak ke arah ekonomi digital dan (ii) Harapan kerajaan negeri Sarawak terhadap institusi kewangan dalam menyokong agenda pembangunan ekonomi dan sosial di Sarawak.

Aspirasi Sarawak ke arah Ekonomi Digital

8. Seperti yang telah dinyatakan sebentar tadi, pertumbuhan ekonomi Sarawak pasca Covid-19 akan didorong oleh data dan inovasi kerana ekonomi digital adalah kunci untuk mencapai agenda ekonomi negeri 2030.

9. Strategi Ekonomi Digital Sarawak (2018-2022) yang dilancarkan pada Disember 2017 telah menggariskan tujuh (7) sektor utama sebagai pemangkin kepada agenda ekonomi digital termasuklah "*ecommerce*" dan "*digital government*". Platform dompet digital "*e-wallet*" yang dikenali sebagai "*Sarawak Pay*" telah diperkenalkan pada 2017 di mana ia telah menggalakkan penyertaan rakyat Sarawak sama ada individu atau perniagaan ke arah pembayaran digital yang lebih selamat dan efisien. Aplikasi *Sarawak Pay* ini juga telah digunakan untuk menyalurkan bantuan kerajaan negeri contohnya Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) kepada rakyat Sarawak secara lebih efektif dan teratur.

10. Setakat September 2020², *Sarawak Pay* telah mencatatkan sejumlah 13.789 juta transaksi dengan jumlah transaksi bernilai RM588 juta sejak diperkenalkan pada November 2017. Aplikasi itu juga telah mendaftarkan sejumlah 443,396 pengguna dan 64,254 peniaga dalam tempoh yang sama. Selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk mencapai status negeri maju menjelang 2030, penggunaan aplikasi *Sarawak Pay* ini juga akan diperluaskan. Terbaru, aplikasi *Sarawak Pay* boleh digunakan untuk pembayaran di luar negara di mana kod QR UnionPay digunakan.

11. Selain itu, kerajaan negeri juga telah memperkenalkan platform "*single-sign-ort*" untuk kesemua agensi kerajaan negeri. Ini membolehkan setiap pengguna menggunakan identiti digital unik "*Sarawak ID*" untuk mengakses kesemua perkhidmatan kerajaan seperti pendaftaran perniagaan, pembayaran lesen perniagaan dan sebagainya.

12. Menyedari keunikan muka bumi, jaringan pengangkutan dan telekomunikasi di negeri Sarawak, kerajaan negeri telah mengambil beberapa langkah strategik untuk mengurangkan jurang digital di antara penduduk luar bandar dan bandar. Di bawah inisiatif menara telekomunikasi SMA300, 184 menara telekomunikasi telah siap dibina dan selebihnya 116 lagi dijangka siap pada suku ke 3 2021. Di peringkat nasional, Sarawak Multimedia Authority (SMA) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah bersetuju secara prinsip mengenai keperluan mendesak untuk mempercepatkan

penyambungan jalur lebar ke kawasan luar bandar di Sarawak. Pelancaran menara komunikasi SMA300 Tahap 2 (tambahan), masih dalam peringkat perancangan. Namun, setelah siap kelak 600 menara komunikasi tersebut akan melengkapkan Pelan Fiberisasi dan Sambungan Nasional yang ada (JENDELA), inisiatif oleh Kerajaan Persekutuan, yang merangkumi 636 menara telekomunikasi baru. Oleh itu, perkongsian strategik ini akan merealisasikan impian kerajaan negeri untuk mencapai liputan jalur lebar 99.9% di seluruh Sarawak.

Harapan Kerajaan Negeri terhadap Institusi Kewangan dalam Menyokong Agenda Pembangunan Ekonomi dan Sosial di Sarawak

a) Menyediakan akses kewangan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan rakyat

13. Sarawak merupakan sebuah negeri yang mempunyai demografi yang unik. Penempatan penduduk di pelbagai lokasi, dari bandar-bandar utama sehinggalah jauh ke kawasan pedalaman yang hanya boleh dihubungi melalui jalan air atau laluan balak. Kita sedar, keunikan demografi ini memberi cabaran dalam agenda pembangunan ekonomi dan sosial, termasuklah memastikan penyertaan rakyat secara inklusif dalam perkhidmatan kewangan.

14. Melangkah ke hadapan, keperluan terhadap perkhidmatan kewangan dijangka akan terus meningkat selari dengan pembangunan ekonomi negeri Sarawak. Keperluan dalam menyediakan infrastruktur yang baik akan terus diutamakan supaya institusi kewangan dapat terus menawarkan servis ke seluruh pelusuk negeri dan menawarkan perkhidmatan kewangan yang lebih efektif dan efisien.

15. Pada bulan Mei yang lalu, kita telah berjaya melancarkan bank bergerak "*Mobile ATM*" yang diusahakan khas untuk penduduk di kawasan luar bandar. Usaha sama antara kerajaan negeri, Bank Negara Malaysia dan institusi kewangan akhirnya berjaya merealisasikan impian penduduk luar bandar untuk mendapatkan akses kepada perbankan dengan lebih cepat dan kondusif.

b) Menawarkan solusi inovatif untuk produk dan saluran perkhidmatan mengikut keperluan masyarakat

16. Latar belakang ekonomi dan kedudukan geografi mempunyai pengaruh yang signifikan dalam menentukan keperluan perkhidmatan kewangan. Contohnya, di Sarawak, 40% rakyatnya tinggal di kawasan luar bandar dan kebanyakan masyarakat yang tinggal di luar bandar bergantung kepada sektor pertanian dan perladangan sebagai punca pendapatan. Sehubungan itu, saya menyeru supaya institusi kewangan dapat menawarkan lebih banyak solusi inovatif dari segi produk/servis yang ditawarkan dan juga jenis saluran perkhidmatan supaya agenda keterangkuman kewangan dapat dinikmati oleh rakyat di negeri Sarawak.

17. Produk kewangan berpatutan seperti produk Perlindungan Tenang amat di alu-alukan. Perlindungan Tenang ialah inisiatif kebangsaan untuk menyediakan pelan insurans dan Takaful yang mampu milik (seperti pelan insurans kebakaran rumah kampung/ rumah panjang) supaya kita dapat melindungi aset kewangan dan orang-orang tersayang. Melalui Perlindungan Tenang, semua golongan rakyat kini boleh membeli atau menyertai pelan perlindungan yang mampu dan mudah difahami, dengan proses tuntutan yang senang dan ringkas. Untuk menggalakkan penyertaan rakyat di dalam produk Perlindungan Tenang ini, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan insentif Baucar Perlindungan Tenang RM50 untuk B40 dan pengecualian duti setem untuk pembelian produk Perlindungan Tenang selama 5 tahun hingga 2025 pada Bajet 2021 yang lepas. Jadi nasihat saya kepada warga Sarawak, sentiasalah lindungi diri, keluarga dan harta benda daripada kerugian dengan mendapatkan perlindungan insurans dan takaful yang bersesuaian.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

18. Tanggungjawab untuk merealisasikan visi negeri maju menjelang 2030 bukanlah terletak kepada kerajaan negeri sahaja. Ianya adalah merupakan usaha bersama kerajaan, pihak swasta dan juga rakyat Sarawak secara amnya. Selari dengan keperluan ekonomi digital, akan terdapat perubahan dalam pendidikan dan kemahiran yang diperlukan pada masa akan datang termasuklah jenis dan perkhidmatan kewangan. Bagi memastikan tiada yang ketinggalan dalam agenda kewangan, Sarawak kekal komited untuk meningkatkan tahap literasi kewangan dan memupuk tabiat dan sikap yang bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan di kalangan rakyat Sarawak. Ini kerana di saat individu itu berupaya untuk menguruskan kewangan dengan baik, ia akan membantu dalam meningkatkan kualiti kehidupan individu tersebut ke arah yang lebih baik.

Kesimpulan

19. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada saudara-saudari yang telah hadir pada pagi ini, dan saya juga menyeru seluruh rakyat Sarawak di luar sana untuk mengambil peluang ini untuk bersama-sama menyertai kempen ini yang akan berlangsung pada hari ini sehinggalah bulan Oktober kelak. Tidak senang untuk kita mengumpulkan kesemua agensi-agensi ini di bawah satu bumbung.

20. Sebelum saya mengundurkan diri, izinkan saya memberi serangkap pantun:

*Puteri Santubong Ramai Yang Ingat
Penjaga Gunung Negeri Sarawak
Arap Arap Kempen ViSFA ngembak Rahmat
Semoga Maju dan Progresif Negeri Sarawak*

21. Dengan lafaz *Bismillah*hirrahmannirrahim, saya merasmikan Kempen Kesedaran Kewangan Sarawak (ViSFA).